



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**TRADESMAN TINGKAT I (E.1-2-3 EB.4)  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TRADESMAN TINGKAT I**  
**JABATAN-JABATAN KERAJAAN**  
**E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai lesen memandu kelas tiga (03) yang sah (tidak mansuh). Mempunyai lesen memandu kelas lima (05) yang sah (tidak mansuh) adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dan berkebolehan dalam membaiki kerosakan-kerosakan kecil kenderaan ringan dan mesin adalah kelebihan.
4. Berpengetahuan / berpengalaman dalam kerja-kerja *welding* dan membaiki jentera-jentera kenderaan adalah kelebihan.
5. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**DI JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. Memeriksa kerosakan pada mesin rumput, mesin *blower*, *water pump* dan *chainsaw*. Melapor kerosakan, kemudian mencadangkan dan menyenaraikan alat ganti bagi membaiki pulih dan seterusnya melaksanakan kerja-kerja membaiki pulih mesin-mesin tersebut;



2. Melaksanakan uji cuba mesin-mesin setelah selesai kerja-kerja membaik pulih untuk memastikan mesin-mesin tersebut selamat untuk digunakan. Setelah mesin-mesin berkenaan berkeadaan selamat seterusnya akan diserahkan untuk digunakan;
3. Memeriksa keadaan tayar yang dipohonkan untuk ditukar, setelah dipastikan keadaan-keadaan tayar perlu ditukar. Memastikan peralatan menukar tayar dan pelaksanaannya dalam keadaan selamat. Setelah dipastikan tayar berkenaan selamat, tayar tersebut akan diserahkan untuk digunakan;
4. Membuat pemeriksaan pada tayar atau beladar (*tube*) yang perlu dilaksanakan kerja-kerja menambal, melaksanakan menambal setelah dikenal pasti ianya boleh dan selamat;
5. Memeriksa kerosakan kecil *body repair* pada kenderaan, melaporkan kerosakan kemudian mencadangkan dan menyenaraikan bahan ganti bagi membaik pulih dan seterusnya melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kenderaan tersebut;
6. Menerima arahan dari semasa ke semasa dalam memperbaiki kerosakan kecil pada harta benda Jabatan seperti *grill* jendela dan *grill* pintu pagar;
7. Melaksanakan pembuatan *tipper container* untuk mengangkat sampah (*tipper truck*); dan
8. Menerima dan menjalankan tugas-tugas lain serta arahan daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa.